

**Najib Tiba Untuk Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat Terengganu
Bernama
9 Ogos, 2012**

KUALA TERENGGANU, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) di sini, Khamis untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat Terengganu.

Najib yang menaiki pesawat khas tiba pada kira-kira 5.50 petang dan disambut Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Sejurus tiba, Perdana Menteri terus ke padang bola, bersebelahan Masjid Kampung Padang Nanas di kawasan Parlimen Kuala Nerus di sini bagi menyampaikan bantuan jubah kepada imam dan bilal.

Pada majlis itu, beliau juga dijadual menyampaikan sumbangan Ihsan Ramadan kepada anak yatim, orang kurang upaya, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang berkemampuan sebelum menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di tempat sama dan menunaikan solat Maghrib di Masjid Kampung Padang Nanas.

Perdana menteri kemudiannya dijadual menunaikan solat Isyak dan solat sunat Tarawih di Masjid Wakaf Tembesu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686982>